

**DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH**

**DAERAH MELAKA TENGAH**

**NEGERI MELAKA**

**Tindakan Kes Mal Bil: 04001- 014-0208-2011**

**ANTARA**

**XXXXXX**

**PLAINTIF**

**NO: KP : 67XXXX-04-XXXX**

**DENGAN**

**XXXXXX**

**DEFENDAN**

**No.KP : 69XXXX-04-XXXX**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

Plaintif dalam kes ini iaitu telah memfailkan suatu saman Tuntutan Cerai secara Fasakh didalam Mahkamah yang mulia ini melalui Peguam Plaintiff iaitu Puan Norlizah Binti Mohd Yusoff dari Tetuan Liza Manita & Associates

Defendan tidak diwakili oleh mana-mana Peguam Syarei dan tidak telah memfailkan sebarang Pembelaan terhadap saman dan Tuntutan Plaintiff tersebut pada 19 hb April 2011 yang telah difailkan keMahkamah yang mulia ini walaupun saman secara Kediri telah disempurnakan.

Defendan pada awal prosiding tidak pernah hadir sehingga tarikh Hujahan Plaintiff bertarikh 19/9/2011, pada hari tersebut Defendan telah hadir . Mahkamah beri peluang kepada Defendan membuat hujahan balas dan Mahkamah telah memberi tempoh selama 2 minggu, sehingga hari ini defendan masih tidak membuat pembelaan dan hujahan balas. Kes ini telah dibicarakan secara sebelah pihak.

**FAKTA KES**

**Plaintif** dalam kes ini ialah XXXXXX NO. KP: 67XXXX-04-XXXX yang beralamat diNo .35 Jalan PE 14 , Taman Paya Emas , Paya Rumput 75650 Melaka telah memfailkan

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Permohonan Perceraian secara fasakh keatas pihak Defendan ( suami ) iaitu XXXXXX NO.KP : 69XXXX-04-XXXX menurut peruntukan dibawah 53 (1) (b) (h) dan ( / )EUKINM 2002 . Plaintiff dan Defendan dalam kes ini dalah suami-isteri yang sah . Mereka telah bernikah di di Felda Bukit Mendi Triang Pahang pada 6-11- 1992

Hasil perkahwianan plaintiff dengan Defendan telah dikurniakan 5 orang cahayamata, yang berumur diantara 7 tahun hingga 18 tahun

Hidup mereka pada awal perkahwinan adalah bahagia, tetapi selepas defendan berkahwin dengan perempuan Indonesia , Defendan Cuma pulang kerumah 2minggu sekali sahaja , itu pun balik pada pukul 6 petang dan pada waktu malam balik semula kerumah isteri muda di Batu Berendam.

Dalam memutuskan perkara ini, Mahkamah merujuk kepada bidangkuasa Mahkamah ini membicarakan tuntutan fasakh tersebut. Mahkamah berpuashati bahawa Plaintiff bermastautin di Melaka , oleh itu, Plaintiff tertakluk di bawah seksyen 4 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002 dan Mahkamah ini berbidangkuasa membicarakan tuntutan ini di bawah seksyen 53 Enakmen yang sama.

### **Bidangkuasa**

Mahkamah bersetuju dengan hujah peguam Plaintiff bahawa Mahkamah mempunyai bidangkuasa mendengar kes ini seterusnya memutuskan kes ini berdasarkan. **Seksyen 4 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002** memperuntukan:-

*Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya, Enakmen ini terpakai bagi semua orang Islam yang tinggal dalam Negeri MELAKA dan bagi semua Orang Islam yang bermastautin dalam negeri MELAKA tetapi tinggal di luar Negeri Melaka.*

**Seksyen 45 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam MELAKA 2002**

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

*Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dengan nyata tiada apa-apa jua dalam Enakmen ini membolehkan mahkamah membuat sesuatu perintah perceraian atau perintah mengenai perceraian atau membenarkan seseorang suami melafazkan talaq kecuali :-*

- a)- jika perkahwinan itu telah didaftarkan atau disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Enakmen ini;*
- b)- jika perkahwinan itu telah dilangsungkan mengikut hukum syarak; dan*
- c)- jika pemastautinan salah satu pihak kepada perkahwinan pada masa permohonan itu diserahkan adalah dalam negeri Melaka .*

Mengenai pemastautinan, Plaintiff telah memenuhi syarat yang diberikan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam MELAKA 2002 . Mahkamah berpuashati Plaintiff telah tinggal di dalam Negeri Melaka .

lanya jelas bahawa permohonan ini memenuhi kehendak Seksyen 45 (1) (C) EUUKINM 2002 yang hanya memerlukan pemastautinan satu pihak sahaja adalah di negeri Melaka . Seksyen 2 EUUKINM memperuntukkan “**bermastautin**” ertinya *tinggal tetap atau pada kelazimannya dalam sesuatu kawasan yang tertentu.*

Di dalam kes **XXXXXX lwn XXXXXX (1994) 9 bhg 1 J.H 16** Mahkamah Rayuan Syariah Selangor telah menyatakan bahawa perkataan mastautin seperti yang terdapat dalam Seksyen 2 enakmen tersebut hanya mensyaratkan seseorang itu tinggal tetap dalam suatu kawasan atau pada lazimnya tinggal di sesuatu kawasan, tidak disyaratkan hendaklah menjadi rakyat negeri di dalam kawasan ia berada. Berdasarkan peruntukan **Seksyen 50 (2) (b) Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam NEGERI MELAKA 2002** yang menyatakan bahawa

*Mahkamah Rendah Syariah hendaklah dalam bidangkuasa Mal, mendengar, dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi dibenarkan mendengar dan memutuskannya dalam mana jumlah atau nilai hal perkara yang*

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

*dipertikaikan tidak melebihi seratus ribu ringgit atau yang tidak dapat di anggarkan dengan wang.*

Mahkamah merujuk pula **Seksyen 50 (2) (b)** telah memperuntukkan:-

*Mahkamah Rendah Syariah hendaklah*

*(b) dalam bidangkuasa Mal mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berkaitan dengan :*

*i- pertunangan, perkahwinan, **perceraian**, pembatalan perkahwinan (fasakh), atau perpisahan (faraq);*

*ii- .....*

### **TUNTUTAN FASAKH**

Mahkamah merujuk kepada peruntukan S. 53 (1) (b) (d) (h) ( i ) ( l ) yang menyatakan :

**Seksyen 53. Perintah untuk membubarkan perkahwinan atau fasakh.**

(1) Seseorang perempuan atau lelaki, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau *fasakh* atas mana-mana satu atau lebih daripada alasan-alasan yang berikut, iaitu-

(b) bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tempoh tiga bulan;

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

(d) bahawa suami atau isteri telah tidak menunaikan, tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) selama tempoh satu tahun;

(h) bahawa suami menganiayai isteri , iaitu , antara lain-

(i) lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya.

( / ) apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan atau bagi *fasakh* dibawah Hukum Syarak .

### **HUJJAH SYARAK : BIDANGKUASA MAHKAMAH SYARIAH**

Mahkamah merujuk pandangan Imam al-Mawardi didalam kitabnya “ al-Ahkam al-Sultaniyah “ hlm 72 :

وإن كانت ولايته خاصة فهي منعقدة على خصوصها ومقصورة النظر على ما تضمنته

*Jika bidang kuasa yang diberikan kepada Qadhi itu khusus maka ia terikat kepada bidang kuasanya sahaja.*

Di dalam kitab “ ( سلطة ولي الأمر في تقييد سلطة القاضي ) “ karangan Dr Muhammad bin Abdullah bin Muhammad al-Marzuki hlm 146 ada menyebut :

Kata Imam Ibnu Farhun :

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

وينفرد القضاة في بعض البلاد بخطة المناكح فيولاها على حدة

*Sesetengah Negeri, Para Hakim hanya diberi kuasa untuk mendengar dan membicarakan kes-kes yang berhubung kait dengan urusan Nikah kahwin sahaja.*

Mengikut Imam as-Syirazi ada menyebut didalam kitabnya “ *al- Muhazzab fi Fiqh al- Imam as-Syafie* ) jld 5 hlm 377 cetakan Dar-al-Qalam Damsyik dan As-Syeikh Sulaiman al-Jamal didalam kitab “ *Hasyiah Sulaiman al-Jamal* ” jld5 ,hlm 232, dan Dr Muhammad al-Marzuki didalam kitab “*Sultah Wali al-Amr Fi Taqiid Sultah al-Qadhi* ” hlm110 ada menyebut :

و لا يجوز أن يقضي و لا يولى ولا يسمع البينة ولا يكاتب قاضيا في حكم في غير عمله ، فإن فعل شيئا من ذلك

في غير عمله لم يعتد به ، لأنه لا ولاية له في غير عمله

*Tidak boleh bagi seorang Hakim memutuskan satu-satu hukuman atau melantik seseorang mengendalikan kes atau mendengar keterangan saksi , atau mengirimkan surat diwilayah hakim lain yang bukan dibawah bidang kuasanya, jika hakim melakukan salah satu daripada perkara tersebut maka hukumnya tidak sah.*

*Ini adalah kerana dia tidak mempunyai bidangkuasa pada yang lain daripada wilayahnya.*

## **KETERANGAN SAKSI-SAKSI**

Mahkamah berpuashati dengan keterangan yang diberikan oleh Plantif dan saksi-saksi adalah konsisten dan tiada percanggahan. Mahkamah berpuashati bahawa Plantif dan Defendan telah bernikah pada 6 / 11/ 1992 adalah perkahwinan yang sah disisi hukum syarak.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Mahkamah juga berpuashati dengan keterangan Plantif **bahawa Defendan semenjak setahun telah cuai memberi nafkah** kepada Plantif melebihi 3 bulan sedangkan P tidak pernah diisytiharkan isteri yang nusyuz oleh mana-mana mahkamah syariah. Defendan juga tidak berlaku adil dengan plaintif dari sudut giliran kerana defendan sudah mempunyai isteri yang kedua.

Selain itu, Mahkamah ini berpuashati bahawa selama tempoh tersebut Defendan gagal menyediakan peruntukan nafkah dalam bentuk harta sebagai punca nafkah. Selama tempoh tersebut juga, Defendan atau wakilnya gagal menyediakan keperluan asas untuk Plantif sepanjang tempoh tersebut. Mahkamah juga sangat kesal dengan sikap D yang gagal menghadirkan diri disepanjang prosiding bagi menjawab tuntutan atas dakwaan Plaintif terhadapnya .

Ini menggambarkan sikap D yang sebenarnya seorang yang tidak bertanggungjawab dan seorang suami yang tidak mempunyai keinginan untuk menyelesaikan permasalahan yang berlaku dalam rumahtangganya.

### **ISU : KEWAJIPAN SUAMI MEMBERI NAFKAH**

Sebelum mahkamah memberi keputusan Terlebih dahulu , Mahkamah suka merujuk hadis Nabi Muhammad s.a.w yang ada menerangkan kepada Ummatnya tentang kewajipan dan kelebihan memberi nafkah kepada isteri dan kepada ahli keluarga

Sebagaimana Sabda Nabi s.a.w :

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : أفضل دينار ينفقه الرجل دينار ينفقه على عياله

*Sabda Rasulullah s.a.w : Sebaik –baik Dinar ( wang ) yang dibelanjakan oleh seorang lelaki ialah Dinar yang dibelanjakan kepada ahli keluarganya.*

Riwayat Imam Muslim

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

## TAKRIF NAFAQAH

### I. Nafaqah pada bahasa :

Menurut pandangan Ibnu Manzur didalam kitab “ Lisan al-Arab “Jilid ke 12 mukasurat 230 :

النفقة ما أنفقت على العيال وعلى نفسك<sup>1</sup>

*Nafaqah ialah sesuatu yang engkau berikan kepada keluargamu dan juga pada dirimu sendiri .*

Manakala pengarang kitab “ al-Fiqh al-Manhaji “ Jilid ke 2, mukasurat 161 berpendapat:

النفقة لغة مأخوذ من الإنفاق<sup>2</sup>

*An-Nafaqah pada sudut bahasa adalah berasal dari kalimah “al-Infaq “*

وهو في الأصل بمعنى الإخراج والنفاد

*Asal makna al-Infaq ialah mengeluarkan atau menghabiskan*

### II. Nafkah pada Syara’

Menurut pandangan Syeikh al-Syarqawi didalam kitabnya “ Hasyiah al-Syarqawi ‘ala at-Tahrir “ Jilid ke 2 mukasurat 303 takrif nafaqah ialah :

النفقة عند الشافعية : بانها طعام مقدّر للزوجة وخدامها على زوج ولغيرها من اصل وفرع ورقيق وحيوان وما يكفيه<sup>3</sup> .

<sup>1</sup> Ibn. Manzur. Lisan al-Arab, Jilid ke-12. Ms. 230

<sup>2</sup> al-Fiqh al-Manhaji, Jilid ke-2, Ms 161.



*Nafkah menurut pandangan Ulama as-Syafieiyah ialah sesuatu bentuk makanan atau sesuatu yang mencukupi lagi sesuai bagi isteri atau khadamnya dan lain daripada keduanya samada daripada usul ( bapa hingga keatas ) atau furu' ( anak hingga kebawah) atau hamba yang dimiliki atau haiwan pemeliharaan*

Manakala pengarang kitab “ al-Fiqh al-Manhaji “ jilid ke 2 mukasurat 162 mentakrifkan nafaqah seperti berikut :

النفقة اصطلاحاً : كل ما يحتاجه الإنسان ، من طعام وشراب ، وكسوة ومسكن

*An-Nafaqah pada sudut Istilah ialah sesuatu perkara yang diperlukan oleh manusia seperti makanan , minuman , pakaian dan tempat tinggal.*

Untuk itu, mahkamah juga merujuk kepada kes XXXXXX Lwn. XXXXXX di mana Hakim Bicara kes ini YA Tuan Datuk Abu Bakar Ahmad (Mantan Hakim Rayuan) telah menjelaskan panjang lebar berkaitan pengertian nafkah, antaranya yang dinyatakan belliau ialah :

*“Nafkah adalah segala yang dibelanjakan dan kata nafkah hanya dipergunakan untuk kebajikan, sebab sebab wajib nafkah ada 3 iaitu disebabkan nikah, qarabah dan milik. Hak isteri dari suaminya itu ada 7 iaitu makan, lauk,pakaian, kebersihan, perkakas rumah, tempat tinggal dan khadam (jika biasa berkhadam).*

*Kesimpulannya adalah wajib suami member nafkah kepada isteri atau di dalam tanggungannya sepertimana di dalam syarah Kitab Raudh at-Talibin Juzuk 3 Bhg an-Nikah Ms 426.”*

---

<sup>3</sup> 120

## PANDANGAN ULAMA HUKUM SUAMI TIDAK MEMBERI NAFKAH

### MAZHAB AS-SYAFEII

Didalam kitab “ Mughi al- Muhtaj ” jld 3 hlm 582 ada menyebut :

و ينجز الفسخ عند الإعسار وقت وجوب تسليمها ، لأن سببه الإعسار وقد حصل ، ولا تلزم الإمهال بالفسخ

*Perintah fasakh dilaksanakan apabila suami gagal menyerahkan nafkah yang wajib kepada isterinya , kerana subjek dalam pensabitan dalam kes fasakh ialah wujudnya bukti bahawa suami tidak mampu memberi nafkah kepada isteri jika isteri berjaya membuktikannya maka perintah fasakh hendaklah diputuskan oleh Hakim tanpa tangguhan.*

Didalam kitab “ Raudhah al-Thalibin ” hlm 480, jld 6 ada menyebut :

الباب الثالث في الإعسار بنفقة الزوجة :

في ثبوت الفسخ به ، فإذا عجز الزوج عن القيام بمؤن الزوجة الموظفة عليه ، فالذي نص عليه الشافعي رضي الله عنه في كتبه قديما وجديدا أنها بالخيار ، إن شاءت صبرت ، وأنفقت من مالها ، أو وأنفقت نفسها ونفقتها في ذمته أن يوسر و شاءت طلبت فسخ النكاح .

Apabila suami lemah menyediakan nafkah keatas isterinya yang berkhidmat kepadanya , Maka menurut tek al-Imam as-Syafei didalam kitab-kitabnya samaada qaul Qadim dan qaul Jadid , sesungguhnya isteri boleh membuat pilihan sama ada dia hendak bersabar dan menafkahkan dirinya , atau menafkahkan dirinya dan nafkah

tersebut bertanggung keatas suaminya sehingga suaminya menjadi senang, dan isteri juga jika ia hendak , ia boleh menuntut untuk memfaskhkan perkahwinannya.

### **KESAN SUAMI TIDAK MEMBERI NAFKAH**

Mahkamah merujuk didalam kitab كشف القناع karangan al-Imam Mansur ibn Yunus al-Buhutiy, jld 5, hlm 476 ada menyebut:

و إعرس الزوج بنفقته الواجبة أو اعسر الزوج ببعضها فلها الفسخ

*Jika suami tidak mampu memberi nafkah yang wajib kepada isteri atau tidak mampu memberi nafqah kepada isteri melainkan separuh nafqah yang wajib, maka harus bagi isteri memohon fasakh.*

Didalam kitab “ الإنصاف karangan as-Syeikh Ali ibn Sulaiman ibn Ahmad al-Mardawiy, jld 9, hlm 39 ada menyebut:

لا يجوز الفسخ في ذلك إلا بحكم حاكم

*Tidak harus dihukum fasakh pada suami yang susah ( معسر ) melainkan dengan hukum (perintah) dari Hakim Syarie.*

*Berdasarkan nas syarak diatas seorang isteri boleh memohon fasakh sekiranya suami tidak mampu menanggung nafkah yang wajib keatasnya .*

Hanya timbul persoalan , adakah isteri perlu segera memohon fasakh jika suaminya seorang yang tidak berkemampuan atau boleh menanggungnya sehingga sampai satu tahap yang benar-benar suaminya adalah seorang yang benar-benar susah ,

### **DAKWAN ISTERI BAHAWA SUAMI TIDAK MEMBERI NAFKAH**

Dalam isu ini , Mahkamah merujuk didalam kitab : “ الأشباه والنظائر ” karangan al-Imam as-Suyuti , hlm 181, jld 1 ada menyebut :

وَتَعَاشَرَ الزَّوْجَانِ مَدَّةً مَدِيدَةً ثُمَّ إِدْعَتْ عَدَمَ الْكِسْوَةِ وَالنَّفَقَةِ ، فَالْقَوْلُ قَوْلُهَا ، لِأَنَّ الْأَصْلَ بَقَاؤُهُمَا فِي ذِمَّةٍ وَهُوَ يَقِينٌ وَعَدَمُ آدَائِهَا .

Sepasang suami isteri yang telah lama hidup bersama , kemudian isteri mendakwa bahawa suaminya tidak memberinya pakaian dan nafkah, maka dakwaan isteri diterima , ini kerana asalnya , kedua-duanya ( pakaian dan nafkah ) masih dalam tanggungan suami , dakwaan tidak memberi nafkah dan pakaian adalah diyakini.

Berdasarkan nas diatas tindakan plaintif memfailkan tuntutan fasakh adalah boleh diterima oleh mahkamah sekalipun dakwaan plaintif bahawa defendan telah gagal dan cuai memberi nafkah yang wajib keatas dirinya sebagai seorang isteri yang sah disisi syarak semenjak tahun 2004 yang lalu.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

## **BENTUK NAFKAH YANG DISEDIAKAN OLEH SUAMI**

Dalam hal ini Mahkamah merujuk didalam kitab “ Takmilah Majmu’ ” karangan Syeikh Najib al-Muthieii , jld17 hlm 76 , didalam kitab “ أحكام النفقة الزوجية في الشريعة الإسلامية ” hlm 32 , karangan Dr Muhammad Yaakub Thalib , ada menyebut :

وإذا كانت الزوجة محبوسة لحق الزوج ومصلحته ومنفعته ، وجبت على الزوج نفقتها التي تشمل ما تحتاج إليه :

1. من طعام
2. وكسوة
3. ومسكن
4. وفرش
5. وخدمة
6. كل ما يلزم لمعيشتها حسب ما جرى به العرف

Apabila seorang isteri yang dihabaskan ( dikurung ) iaitu tinggal dengan suami kerana menunaikan hak suami dan segala kebajikan suami serta kemanfa`atannya , maka wajib keatas suami memberi nafkah kepada isteri tersebut seperti berikut :

- a. makanan
- b. pakaian
- c. tempat tinggal
- d. tilam
- e. orang gaji
- f. dan tiap-tiap sesuatu yang diperlukan oleh isteri mengikut adat

## KEWAJIPAN SUAMI BERLAKU ADIL KEPADA ISTERI- ISTERINYA.

Merujuk kepada Firman Allah Taala yang berbunyi ;

فإن خفتم ألا تعدلوا فواحدة

***“Maka sekiranya kamu takut tidak boleh berlaku adil cukuplah kamu berkahwin seorang sahaja’***

Menurut pandangan Imam Ibnu Abidin :

Adil yang dimaksudkan disini ialah

عدم الجور في القسم , بالتسوية في البيتوتة , وفي الملبوس والصحبة.

- a) Tidak melakukan kezaliman dan penginayaan terhahap mana-mana isterinya dari sudut giliran
- b) Adil dari sudut bermalam dengan isteri-isterinya
- c) Adil dari sudut membeli atau memberi pakaian kepada isteri-isteri
- d) Adil dari sudut menemaninya

As- Syeikh Ahmad Mustafa Al Maraghi( المر اغى ) di dalam tafsirnya

تفسير المراغي ( tafsir al-Maraghi. Jilid ke -2 mukasurat 180 menghuraikan

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

maksud ayat tersebut seperti katanya:

ولكن إن خفتم ألا تعدلوا بين الزوجين أو الزوجات فعليكم أن تلتزموا واحدة فقط

“Sebaliknya jika kamu takut tidak boleh berlaku adil di antara isteri-isteri kamu, cukuplah bagi kamu berkahwin seorang sahaja “.

Menurut pandangan as-Syeikh Ibnu Abidin didalam kitabnya “ Hasyiah Ibnu Abidin” jilid 2 halaman 408 meerangkan maksud ayat diatas :

فإنه أمر بالإقتصار على الواحدة عند خوف الجور ، فعلم إيجاب العدل عند التعدد

Allah Taala telah memerintahkan berkahwin dengan seorang isteri sahaja ketika wujud perasaan bimbang akan berlaku kezaliman jika berpoligami,

Maka dapat diketahui bahawa subjek keadilan didalam berpoligami adalah hukumnya wajib.

As-Syeikh Ibnu Abidin menegaskan lagi dengan katanya;

إن مجرد الخوف من إقامة العدل بين الإثنتين جعل بينهما محرماً ، فتكون إقامة العدل واجبة

Sesungguhnya semata- mata wujud perasaan takut tidak boleh berlaku adil diantara dua orang isteri, maka syarak menjadikan hukum berpoligami ketika itu adalah haram.

Justeru itu jelas bahawa “melaksanakan keadilan “ didalam poligami adalah wajib.

Dan as-Syeikh Ahmad Mustafa al-Maraghi menegaskan lagi tentang maksud “ *takut*” yang didalam ayat diatas adalah seperti katanya :

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

والخوف من عدم العدل بالظن والشك في ذلك ، فالذي يباح أن يتزوج ثانية أو أكثر هو من يثق من نفسه بالعدل ثقة لا فيها

“Maksud takut tidak boleh berlaku adil cukup dengan wujudnya perasaan bimbang (Zan) dan ragu-ragu ( Syak’) sahaja

Justeru, orang yang dibenarkan beristeri dua atau lebih daripada satu adalah mereka yang mempunyai keyakinan terhadap dirinya sendiri tanpa diselubungi perasaan ragu-ragu bahawa dirinya tak mampu berlaku adil.

### **MAKSUD ADIL DALAM POLIGAMI**

Didalam kitab yang sama as-Syeikh Ahmad Mustafa al-Maghariy mentafsirkan makna “ Adil “ seperti katanya:

العدل إنما يكون فيما يدخل طاقة الإنسان كالتسوية في المسكن والملبس ونحو ذلك.

“Adil ialah ada keupayaan yang berada dibawah kemampuan manusia memberi layanan yang sama dari sudut tempat tinggal, pakaian dan seumpamanya.”

Merujuk didalam Tafsir “ الأحكام لجامع القرآن ” karangan الإمام القرطبي

mukasurat 19 Jld. 3 ada mentafsirkan makna “ Adil “ seperti katanya ;

قال الضحاك وغيره : العدل في الميل والمحبة والجماع والعشرة والقسم بين الزوجات الأربع والثلاث والإثنين .

Berkata Imam الضحاك dan lainnya. “ Adil yang dimaksud disini ialah adil dari sudut kasih sayang, jimak, pergaulan, giliran di antara isteri yang sedia ada samada mempunyai empat atau tiga atau dua orang isteri .

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**



Imam al-Qurtubi menerusi ayat diatas memberi penjelasan seperti katanya:

فمنع من الزيادة التي تؤدي إلى ترك العدل في القسم وحسن العشرة ، وذلك دليل على وجوب ذلك .

Maka ditegah daripada menikahi lebih daripada seorang isteri jika pernikahan itu akan mengundang kepada tidak boleh berlaku adil dari sudut giliran diantara isteri-isteri dan juga tidak dapat memberi layanan yang baik terhadap isteri-isteri yang sedia ada.

Jelas, ayat di atas adalah merupakan dalil yang menunjukkan bahawa berlaku adil adalah satu kewajipan dalam isu poligami.

As-Syeikh Ali al-'Adawiy didalam kitabnya “ Hasyiah al'Adawiy” jilid 2 ,halaman 60 memperjelaskan hukuman ketas suami yang tidak berlaku adil ketas isteri-isteri mereka sepertimana katanya :

وأجمعت الأمة على وجوبه.

فإن لم يعدل بين نسائه فهو عاص لا تجوز أمانته ولا شهادته ، وإن جحد وجوبه استتيب ثلاثا فإن لم يتب فهو كافر .

Para Ulama bersepakat menyatakan bahawa subjek “ Adil ” didalam berpoligami adalah wajib,

Jika suami tidak berlaku adil kepada isteri-isterinya maka ia telah derhaka kepada Allah Taala , ketika itu sebarang bentuk amanah dan syahadahnya tidak diterima.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Jika ia mengingkari tentang kewajiban berlaku adil , maka diperintah kepadanya supaya bertaubah sebanyak tiga kali , sekiranya ia enggan bertaubat maka dihukumkan ianya kafir.

Mengikut Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Tirmizi, Imam Ibnu Majah, Imam Nasai bahawa sesungguhnya Nabi s.a.w bersabda :

قال النبي صلى الله عليه وسلم :

" من كانت له إمرأتان فمال إلى إحداهما جاء يوم القيامة وشقه مائل "

"Sabda Rasulullah S.a.w, barang siapa ada baginya dua orang isteri, lalu ia cenderung kepada salah seorang isterinya (tidak adil) maka datang ia pada hari kiamat dalam keadaan berjalan sengit sebelah"

Berdasarkan daripada keterangan plaintif dan saksi-saksi plaintif , defendan adalah seorang suami yang tidak berlaku adil terhadap isteri – isterinya .

## SYARAT FASAKH

Dalam isu fasakh disebabkan suami tidak mampu memberi nafkah, plaintif mestilah memenuhi syarat-syarat yang telah digariskan oleh syarak , Justeru itu mahkamah suka merujuk kitab yang telah dikarang oleh

Dr Muhammad Kamaluddin , Prof di Fakulti Syariah Islamiyyah didalam

النطليق لعدم الإنفاق

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

cetakan kuliah undang-undang Universiti Iskandariyyah Mesir ada menyebut :

شروط التفريق للإعسار

1. قيام زوجية صحيحة
2. مطالبة الزوجة بالإنفاق ثم بالتفريق لعدم الإنفاق
3. استحقاق الزوجة للنفقة بعدم وجود ما يمنع من استيفائها
4. صدور حكم من حاكم

Syarat fasakh kerana إعسار

- 1- Wujud perkahwinan yang sah disisi hukum syarak
- 2- Isteri menuntut suami beri nafkah kemudian difasakhkan jika suami gagal melaksanakan tuntutan isteri.
- 3- Isteri adalah seorang yang layak dapat nafkah
- 4- Perintah fasakh dari hakim

Kesemua syarat diatas Mahkamah melihat bahawa plaintif telah memenuhinya sebagaimana didalam keterangan plaintif secara bersumpah dihadapan hakim bicara.

## **MATLAMAT PERKAHWINAN**

Perkahwinan merupakan suatu jalan yang sah disisi syarak bagi menghalalkan perhubungan antara seorang lelaki dengan perempuan ,

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Tetapi hikmat tasyri, (Perundangan Islam) tidak terbatas setakat itu sahaja malahan ianya menjangkau hingga kepada sesuatu yang tidak dapat difikirkan oleh manusia. Namun demikian terdapat juga penjelasan daripada al-Quran bahawa perkahwinan adalah untuk memenuhi fitrah emosi manusia seperti mendapat ketenangan jiwa dan kasih sesama pasangan sebagaimana surah al-Rum ayat 30:21.<sup>4</sup>

ومن آياته أن خلق لكم من أنفسكم أزواجا لتسكنوا إليها وجعل بينكم مودة ورحمة

*“ Diantara tanda kekuasaan Allah ialah telah menjadikan kamu berpasang-pasangan ( suami-isteri ) supaya kamu mendapat ketenangan dan muwaddah serta rahmah.*

Oleh itu, keperluan suami kepada isteri dan keperluan isteri kepada suami adalah seperti keperluan masing-masing kepada pakaian. Pakaian diperlukan untuk menutup keaiban tubiuh badan dan mengelakkan dari sesuatu yang menyakitkan. Begitulah juga dengan suami dan isteri, masing-masing akan menjaga kemuliaan, kehormatan, memberikan kerehatan serta kebahagiaan kepada pasangan masing-masing.<sup>5</sup>

Berdasarkan fakta yang dikemukakan oleh plaintif dan saksinya adalah jelas rumahtangga plaintif dan defendan tidak lagi berupaya untuk mencapai objektif penubuhan sesebuah rumahtangga. Penceraian terhadap sesuatu perkahwinan adalah sesuatu yang dibenci oleh Allah SWT tetapi dihalalkan dengan tujuan untuk menolak perkara yang lebih mudharat seperti kelakuan dan sikap suami yang mengakibatkan kemudharatan kepada isteri dan keluarga. Manakala tidak dinafikan bahawa manfaat kepada perkahwinan itu adalah banyak namun sekiranya perkahwinan tersebut mendatangkan kemudharatan seperti penderitaan di pihak isteri dan tidak lagi ada kasih sesama suami isteri maka jalan penceraian adalah lebih baik.

Sebagaimana yang kita maklumi bersama, Agama Islam adalah agama yang menjamin keadilan dan bencikan kezaliman sebagaimana Allah Taala berfirman didalam hadis Qudsi:

---

<sup>4</sup> Kaunseling Perkahwinan Menurut Perspektif Islam : Siti Zalikah Md. Nor. 1992. Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam. Muka surat 1.

<sup>5</sup> Kitab Fiqh Mazhab Syafie Jilid 4.2002. Muka Surat 576.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

عن أبي ذر رضي الله عنه عن النبي (ص) فيما يروى عن الله تعالى أنه قال :  
يا عبادي أنى حرمت الظلم على نفسي وجعلته بينكم محرما فلا تظالموا .

رواه مسلم

**Ertinya:** Dari Abi Zar ra. Meriwayatkan dari Nabi saw. Bahawa Allah telah berfirman :  
Wahai hamba-hambaku sesungguhnya aku haramkan kezaliman itu atas diriKu,  
maka Aku haramkan kezaliman itu diantara kamu.

(Riwayat Muslim, Hadis 2577)

Menurut satu kaedah Fiqh sebagaimana di dalam Kitab Ashbahu Wa An-Nadhair Fi Qawaid Al-Fiqhiyyah, karangan Imam Jamaluddin Abdul Rahman As-Sayuthi<sup>6</sup> yang menyatakan bahawa

درء المفسد مقدم على جلب المصلح

*“ Menolak kerosakan-kerosakan lebih utama daripada menarik kemaslahatan-kemaslahatan.”*

Permohonan plaintif ini adalah bersesuaian dengan pandangan ulamak Maliki yang menyatakan iaitu mengharuskan pemisahan dilakukan kerana tidak sehaluan dan juga kerana melakukan kemudharatan. Ini adalah bagi mengelakkan pertelingkahan yang berterusan sehingga kehidupan keluarga dan rumahtangga itu bertukar menjadi neraka dan bala bencana. Ia juga berasaskan sabda Nabi Muhammad SAW :

قال رسول الله ( ص ) : لا ضرر ولا ضرار

---

<sup>6</sup> Kitab Ashbahu Wa An-Nadhair Fi Qawaid Al-Fiqhiyyah, karangan Imam Jamaluddin Abdul Rahman As-Sayuthi<sup>6</sup> yang diterjemahkan di dalam Buku Kaedah-kaedah Hukum Islam Mazhab Syafie ms 191

*Maksudnya : Tidak ada kemudaratan dan yang memudaratkan.*

Dalam kes ini Plaintiff telah berada di dalam keadaan menderita akibat kelakuan aniaya D yang tidak menyediakan nafkah zahir sejak 9/ 2/2009 **sehingga hari ini** dan ianya adalah penderaan mental serta fizikal ke atas P, sedangkan Allah SWT mengarahkan para suami agar tidak menganiayai isteri-isteri mereka sebagaimana di dalam Surah An-Nisa Ayat 19 Allah berfirman bermaksud:

ولا تعضلوهن لتذهبن ما آتيتهن إلا أن يأتين بفاحشة مبينة

*“ Dan janganlah kamu menyakiti perempuan-perempuan ( dengan memukul dan menyusahkan mereka ) kerana kamu hendaklah mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata.”*

Allah SWT juga telah berfirman berkenaan larangan terhadap suami yang terus menganiayai dan memudaratkan isteri dengan firmannya di dalam Surah al-Baqarah ayat 231

ولا تمسكوهن ضرارا لتعتدوا ، ومن يفعل ذلك فقد ظلم نفسه

yang bermaksud :

*“ Dan janganlah kamu pegang (simpan) mereka (Isteri-isteri) dengan maksud untuk memberi kemudharatan kerana keinginan kamu hendak melakukan kezaliman, dan sesiapa yang melakukan demnikian maka sesungguhnya dia menganiayai dirinya sendiri”*

Fasakh menurut Sayyid Sabiq di dalam kitabnya Fiqh As-Sunnah Juz. 7 yang menyatakan bahawa fasakh adalah membatalkan akad nikah dengan melepaskan ikatan perkahwinan antara suami isteri. Fasakh disyariatkan adalah untuk menolak

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

kemudharatan yang berterusan daripada menimpa diri salah satu pihak dalam perkahwinan dan syiqaq telah berlaku secara berterusan dan ianya menyimpang daripada tujuan asal perkahwinan. Salah satu pihak hidup dalam ikatan yang tidak lagi diredhainya dan satu pihak terus menjadikan pernikahan satu wasilah untuk bertindak zalim. Di dalam kes ini, plaintif telah cukup menderita dari segi zahir dan batin akibat kelakuan D tersebut.

Plaintif juga merujuk kepada pandangan Prof. Madya Dr. Mat Saad Abd Rahman di dalam bukunya yang antara lain menyatakan bahawa Kemungkinan jika dilihat sepintas lalu, keharusan fasakh boleh mengecewakan hati salah seorang di antara pasangan suami isteri kerana perkahwinan yang dibina boleh dihancurkan dengan fasakh. Akan tetapi jika ditinjau dengan lebih mendalam kita akan dapati keharusannya bukanlah secara mutlak dan terbuka. Ia diikat dengan dengan pelbagai sebab yang mengharuskannya. Sebab-sebab itu pula dengan kewujudannya, boleh menyebabkan kehidupan pasangan suami isteri menjadi terseksa atau teraniaya.<sup>7</sup>

Adalah dihujahkan bahawa berlaku perkahwinan maka menjadi tanggungjawab sebagai seorang suami untuk menyediakan nafkah belanja, makan minum, tempat kediaman, pakaian dan keperluan asas kepada keluarga dan isterinya. Namun menurut hukum syarak selain daripada hak tersebut yang wajib disediakan suami, sisuami juga diwajibkan bergaul baik dengan isterinya. Seorang lelaki adalah pemimpin menurut pandangan Islam. Tiap pemimpin mestilah melayani orang yang di bawah jagaannya dengan baik, tanpa kekasaran dan kekerasan, tanpa menganggap dirinya sebagai tuan kepada hamba sahaya.<sup>8</sup> Menurut al-Ghazali, melayan isteri dengan penuh kasih sayang serta dengan akhlak yang baik itu meliputi sikap bersimpati dengan kesulitan yang dihadapinya, bersabar dengan kedegilan dan keberangannya, selalu bergurau dengannya serta menyesuaikan tahap pemikirannya dengan cara isterinya berfikir.<sup>9</sup> Ini adalah selaras dengan firman Allah :

وعاشروهن بالمعروف

---

<sup>7</sup> Undang-undang Keluarga Islam : Aturan Perkahwinan, Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa. MS 187.

<sup>8</sup> Prof. Madya Dr. Mat Saad, Undang-undang Keluarga Islam- Aturan perkahwinan, ms 74

<sup>9</sup> Ibid, Ms 74 & 75.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

“ Dan bergaullah dengan mereka menerusi cara yang baik.”<sup>10</sup>

Penceraian terhadap sesuatu perkahwinan adalah sesuatu yang dibenci oleh Allah SWT tetapi dihalalkan dengan tujuan untuk menolak perkara yang lebih mudharat seperti kelakuan dan sikap suami yang mengakibatkan kemudharatan kepada isteri dan keluarga. Manakala tidak dinafikan bahawa manfaat kepada perkahwinan itu adalah banyak namun sekiranya perkahwinan tersebut mendatangkan kemudharatan seperti penderitaan di pihak isteri dan tidak lagi ada kasih sayang sesama suami isteri maka jalan penceraian adalah lebih baik.

Dengan kenyataan tersebut, M berpendapat bahawa jika permohonan fasakh Plaintiff ini ditolak maka Plaintiff dan Defendan tentunya tidak akan merasai hikmah kebahagiaan dalam rumahtangga lagi dan seterusnya Plaintiff akan terus menderita dan teraniaya kerana P akan terus berada secara keseorangan membezarkan anak-anak tanpa adanya dalam rumahtangga itu dalam tempoh yang sangat panjang, kaedah fiqh yang masyhur ada menyatakan “*Apabila terjadi pertentangan antara dua kerosakan, maka yang lebih besar bahayanya diperhitungkan dengan melakukan yang lebih ringan.*”<sup>11</sup>

M berpendapat bahawa dalam keadaan tersebut, mahkamah mestilah memutuskan agar suatu kemudharatan yang kecil diwujudkan iaitu menyelamatkan perasaan dan emosi P daripada terus menderita iaitu ianya satu kemudharatan besar.

Menurut satu kaedah Fiqh lain sebagaimana di dalam *Kitab Ashbahu Wa An-Nadhair Fi Qawaid Al-Fiqhiyyah*, karangan Imam Jamaluddin Abdul Rahman As-Sayuthi yang diterjemahkan di dalam Buku Kaedah-kaedah Hukum Islam Mazhab Syafie ms 191 yang menyatakan bahawa

درء المفسد مقدم على جلب المصالح

---

<sup>10</sup> Surah an-Nisa' 4:19.

<sup>11</sup> Imam Jalaluddin As-Sayuthi, Kaedah Hukum Islam Mazhab Syafii (terj), Ms. 190.



*“ Menolak kerosakan-kerosakan lebih utama daripada menarik kemaslahatan-kemaslahatan.”*

Di dalam *Kitab” Al-Qawaid al-Fiqhiyyah ”*, karangan Prof Dr Abdul Aziz Muhammad `Azzam , hlm163, cetakan Dar al-Hadis Mesir Thn 2005 ada menyebut :

درء المفساد مقدم على جلب المصالح

ما إذا كانت المقسدة مرجوحة فتقدم المصلحة

*“Menolak kerosakan-kerosakan lebih utama daripada menarik kemaslahatan-kemaslahatan.” Selama kerosakan itu lebih rajih ( lebih kuat ) maka ketika itu kemaslahatan diutamakan*

Berdasarkan kaedah feqhiyyah diatas, mahkamah melihat bahawa dikekalkan perkahwinan itu baik kerana islam melarang perceraian , tetapi jika dikekalkan pihak plaintif menghadapi kesengsaraan akibat daripada defendan tidak memberi nafkah zahir dan batin sejak 9/2/2009 . andainya diteruskan perkahwinan ini sudah tentu plaintif akan menjalani kehidupan yang tidak tahu kesudahan nasibnya. Justeru itu hanya mahkamah syariah yang diharapkan oleh plaintif dapat menyelesaikan permasalahannya.

Setelah Mahkamah meneliti semua keterangan yang diberikan oleh Plaintiff dan 2 orang saksinya secara sebelah pihak tanpa kehadiran D walaupun segala prosedur penyampaian saman secara gantian terhadap D telah disempurnakan, maka Mahkamah berpuashati untuk membuat keputusan seperti berikut. Walaubagaimanapun, sebelum mahkamah membacakan keputusannya, mahkamah telah memerintahkan kepada P supaya mengambil bersumpah istizhar sebagai menguatkan keterangan didalam mahkamah yang mulia ini .

lanya penting bagi menolak segala tohmahan terhadap diri dan segala keterangannya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksy 121 (1)(b) dan (2) ETMMSNM 2002. P

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

diperingatkan bahawa, yamin di dalam mahkamah mempunyai kesan yang sangat berat iaitu jika P bersumpah atas kebenaran maka P akan beroleh pahala yang besar akan tetapi jika P bersumpah atas keterangannya yang dusta, bohong dan diada-adakan, maka tindakan P itu akan dibalas dengan azab oleh Allah taala.

Perbicaraan kes ini adalah dikategorikan sebagai keterangan sebelah pihak iaitu keterangan Plaintiff dan saksi-saksinya sahaja tanpa kehadiran Defendan , Justeru itu mahkamah telah memerintahkan Plaintiff bersumpah dengan Yamin Istizhar bagi menguatkan dakwaan kesnya .

Ini bertepatan dengan hukum syarak sebagaimana

Didalam kitab “ ضمانات العدالة في القضاء الإسلامي ” karangan as-syeikh Mahmud ‘Ayiys Mutawally , hlm 53 , cetakan Dar al-kutub ‘Ilmiyyah Beirut, Tahun 2002 ada menyebut ;

إذا توافرت شروط سماع الدعوى على الغائب ، حكم القاضي للمدعي ، ولكن بعد أن يحلفه يمين الإستظهار بعد إقامة البينة

Dan bertepatan juga dengan ***Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah ( Negeri Melaka) 2002 memperuntukkan bahawa :***

***Seksyen 121(2) menyatakan ;***

***“ Mahkamah hendaklah, sebelum membuat apa-apa penghakiman mengenai tuntutan Plaintiff dibawah perenggan (1)(b) ..... mengarahkan Plaintiff atau Defendan , mengikut mana-mana yang berkenaan , mengangkat sumpah istizhar.***

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

***“ Jika pada hari perbicaraan – defendan tidak hadir , mahkamah boleh ( setelah penyampaian saman disempurnakan ) membicarakan dan memutuskan kes itu semasa ketidakhadirannya; Dengan syarat Plaintiff hendaklah mengangkat sumpah ( Yamin Istizhar )***

Sebagai melengkapkan dakwaan Plaintiff dalam kes ini , plaintiff hendaklah mengangkat sumpah istizhar.

Plaintif : Setuju / tidak : .....

Dengan sumpah istizhar yang telah ambil oleh pihak plaintiff tadi maka lengkaplah dakwaannya .

Berdasarkan hujjah-hujjah syarak dan undang-undang bertulis

Setelah mahkamah mendengar sumpah istizhar P di mana P bersedia menerima balasan Allah jika P berbohong dan setelah mendengar keterangan P dan saksi-saksi serta penghujahan yang bijaksana daripada Peguam Syarie P,

MAKA DENGAN INI MAHKAMAH MEMBERI KEPUTUSAN :

- 1. Mahkamah mensabitkan aduan Plaintiff bahawa D telah gagal dan cuai mengadakan nafkah zahir sejak oktober 2010 hingga sekarang kepada P, maka dengan ini Mahkamah bubarkan perkahwinan antara Plaintiff :*

**XXXXXX**

NO: KP : 67XXXX-04-XXXX

dengan Defendan

**XXXXXX**

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

No.KP : 69XXXX-04-XXXX

yang berlangsung pada 6-11-1992 di FELDA BUKIT MENDI TRIANG PAHANG secara fasakh mulai hari ini / / 2011 jam ..... berdasarkan seksyen 53(1)(b)(h (vi ) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002.

2. Mahkamah perintahkan Jabatan agama Islam NEGERI PAHANG membatalkan sijil pernikahan diantara plaintif dengan defendan
3. Mahkamah perintahkan Plaintif supaya menjalani tempoh eddah selama 3 kali suci mulai hari ini / / 2011.
4. Mahkamah memerintahkan perceraian secara fasakh ini didaftarkan di Pejabat Agama Islam Melaka ( JAIM ) Melaka.

Hakim

.....

TUAN HAJI SHUKERI NAJIB BIN AB.RAHIM

Tarikh : 18/ 10 /2011

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**